



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 8/1976**

**Penyempurnaan Sesuatu Suratcara Urusan (Disemak 2009)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 8/1976**

**Penyempurnaan Sesuatu Suratcara Urusan (Disemak 2009)**

Pekeliling ini dikeluarkan bagi menasihati Pendaftar Hakmilik Tanah atau Pentadbir Tanah berkaitan dengan penyempurnaan sesuatu suratcara urusan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

2. Cara penyempurnaan sesuatu suratcara urusan adalah ditetapkan di dalam seksyen 210 dan 211 Kanun Tanah Negara 1965. Subseksyen 210(2) Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan bahawa penyempurnaan sesuatu suratcara urusan oleh individu yang memohon mestilah mengandungi tandatangannya atau cap ibu jari tangannya dan subseksyen 210(3) menyatakan bahawa penyempurnaan mana-mana suratcara urusan oleh sesuatu Perbadanan (sama ada kumpulan atau tunggal) mestilah dilakukan mengikut cara yang ditetapkan oleh perlembagaan syarikat atau pertubuhan oleh mana-mana undang-undang yang masih berkuat kuasa. Di bawah subseksyen 211(1) Kanun Tanah Negara 1965, tiap-tiap penyempurnaan oleh individu mestilah disaksikan.

3. Berikut ialah jenis-jenis kelemahan yang telah didapati di dalam penyempurnaan suratcara urusan oleh pihak-pihak yang berkenaan:-

- (a) Sesuatu suratcara yang disempurnakan oleh individu di bawah surat kuasa wakil tidak mengandungi nama individu memohon dan rujukan salinan surat kuasa wakil yang tersimpan di Pejabat Pendaftaran; dan
- (b) Sesuatu meterai syarikat telah diturunkan tanpa perakuan bahawa ianya diturunkan di hadapan seseorang yang diberi kuasa melakukannya;

4. Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya memastikan bahawa di dalam penyempurnaan sesuatu suratcara urusan, peraturan-peraturan berikut dapat dipatuhi:-

- (a) Nama orang yang melaksanakan sesuatu suratcara di bawah surat kuasa wakil dan rujukan salinan surat kuasa wakil yang tersimpan di Pejabat Pendaftaran hendaklah dicatatkan di dalam suratcara itu di bawah tandatangannya; dan
- (b) Jika mana-mana pihak dalam sesuatu suratcara urusan terdiri dari sesuatu perbadanan atau badan-badan lain, perakuan meletakkan meterai Perbadanan hendaklah dicatat dengan betul di dalam suratcara itu;

5. Pekeliling ini dibaca bersama Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 5/1971 dan Bilangan 23/2009.

**Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**